

26 SEP 2001

Pakej-Kedah

KEDAH SAMBUT BAIK PAKEJ TAMBAHAN RM4.3 BILION

LANGKAWI, 26 Sept (Bernama) -- Kedah menyambut baik pengumuman pakej rangsangan baru membabitkan peruntukan tambahan RM4.3 bilion bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal pada paras positif, kata Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

"Tindakan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) cukup cepat untuk menjaga kepentingan ekonomi negara", katanya selepas mesyuarat Exco Kedah di sini hari ini.

Pengumuman Dr Mahathir itu merupakan sumbangan baik kepada Kedah yang akan mengikuti perkembangan peruntukan itu, katanya selepas mesyuarat Exco Kedah di sini hari ini.

Peruntukan yang akan dibelanjakan sepanjang tiga bulan terakhir tahun ini antara lain membabitkan projek pembangunan kecil luar bandar dan pembangunan terpilih bandar bernilai RM1 bilion.

Syed Razak berkata pakej itu memberi kelebihan kepada Kedah yang telahpun melancarkan Pelan Tindakan Kedah Maju pada 2010.

Pelan Tindakan yang dilancarkan Dr Mahathir di Alor Setar minggu lepas juga secara tidak langsung menyumbang kepada usaha yang dibuat kerajaan pusat untuk merangsang pertumbuhan ekonomi, katanya.

"Dengan keadaan ekonomi dunia sekarang berikutan serangan pengganas terhadap beberapa kedudukan penting Amerika Syarikat, Kedah telahpun bersiap sedia dengan pelan tindakan itu bagi memacu pertumbuhan ekonomi negeri", katanya.

Mesyuarat Exco bersetuju supaya Jawatankuasa Pembangunan Kedah Maju 2010 dikekalkan sebagai jawatankuasa penting di Kedah selain Jawatankuasa yang ada seperti Jawatankuasa Pembangunan, Jawatankuasa Perancangan EKonomi dan Jawatankuasa Keselamatan Negeri, katanya..

-- BERNAMA

NH FAZ